



**MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR
45000 KUALA SELANGOR**

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor Bumiputera yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) dan Majlis Perbandaran Kuala Selangor yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja-kerja seperti berikut :-

BIL	BUTIR-BUTIR TAWARAN	KELAS PENDAFTARAN	TARIKH & DOKUMEN MULAI DAN TARIKH AKHIR JUALAN DOKUMEN	HARGA DOKUMEN	TARIKH TUTUP
1.	KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PENGURUSAN RISIKO POKOK-POKOK BAGI PROGRAM PENILAIAN DAN RAWATAN KAWASAN HIJAU DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) UNTUK MAJLIS PERBANDARAN KUALA SELANGOR No. Sebutharga: MPKS SH 36 / 2025	Gred G2 Kategori CE Pengkhususan CE 14	Mulai 26.03.2025 Hingga 07.04.2025	RM 70.00	08.04.2025 (jam 12 t/hari)

Setiap pembelian/permohonan Dokumen Sebut Harga boleh dibeli secara atas talian melalui laman sesawang <https://ip3ks.mpks.gov.my> bermula 26 Mac 2025 dengan bayaran seperti yang dinyatakan.

Kontraktor perlu mengemukakan salinan pendaftaran syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera bersama-sama Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap semasa penghantaran dokumen.

* *Penyata Bank (tiga bulan) yang terkini dan telah disahkan perlu disertakan bagi tawaran kerja Gred Pendaftaran G2 sehingga G7*

Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan mencatatkan No. Sebut Harga serta tajuk dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan oleh Majlis Perbandaran Kuala Selangor di **Aras Bawah, Majlis Perbandaran Kuala Selangor** sebelum atau pada **08 April 2025, jam 12.00 tengahari**.

Dokumen yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Pihak Majlis juga tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran.

(**HAJI MOHAMAD HANAFE BIN BASRI S.M.S.,**)
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kuala Selangor

QS/azri/iklan sh/14032025

Tarikh: 21 Mac 2025